

Had bersara Hakim Syarie 66 tahun

Oleh RAIS YEOP JOHARI
rais.johari@kosmo.com.my

NILAI - Kerajaan menetapkan had umur persaraan wajib bagi Hakim Mahkamah Syariah dilanjutkan daripada 58 tahun kepada 66 tahun mulai tahun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, perkara itu diputuskan bagi menambah baik sistem kehakiman syariah di negara ini selaras dengan had umur persaraan wajib Hakim Mahkamah Sivil.

“Keputusan menetapkan had umur ini berikutan ketika ini kes di Mahkamah Syariah semakin meningkat, dengan adanya hakim-hakim yang berpengalaman kes tertanggung dapat disegerakan.

“Selain itu kita berharap dapat meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan, hakim yang baru dapat menimba pengalaman daripada hakim lebih senior.

“Amalan sekarang ialah apabila sam-

pai umur 58 tahun, Hakim Mahkamah Syariah akan disambung secara kontrak setiap tahun tetapi kini tempoh persaraan mereka ialah sehingga 66 tahun,” katanya selepas merasmikan Seminar Syariah dan Undang-undang Peringkat Kebangsaan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di sini semalam.

Turut hadir pada majlis itu ialah Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda.

Terdahulu, pada seminar itu, Jamil Khir memberitahu, pengetahuan yang dibentangkan di seminar itu dapat membantu pengamal undang-undang syariah dalam mencari jawapan dan penyelesaian kepada permasalahan dan isu-isu syariah.

“Pemisahan bidang kuasa antara Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah tidak wajar dilihat sebagai penyelesaian muktamad sebaliknya memerlukan usaha berterusan ke arah memartabatkan undang-undang syariah di negara ini,” katanya.



JAMIL KHIR (dua dari kiri) bersama Muhamad (kiri) beramah mesra dengan sebahagian pelajar USIM di Nilai semalam.